

29/08/1998

Presiden, timbalan boleh dipertanding

KUALA LUMPUR, Jumaat - Umno tidak bercadang menjadikan usul jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan yang dicapai pada Perhimpunan Agung 1996, sebagai fasal dalam perlembagaannya.

Setiausaha Agungnya, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata Umno mahu terus mengamalkan prinsip demokrasi dengan membenarkan tradisi pertandingan merebut jawatan dalam parti diteruskan.

"Kita tidak pernah terfikir, malah tidak ada cadangan seperti itu pernah dibangkitkan oleh ahli.

"Jika ia dilakukan, sudah tentu tidak ada demokrasi lagi dalam parti," katanya selepas melancarkan promosi Malaysia Showcase anjuran Penerbangan Malaysia (MAS) di sini, hari ini.

Hadir sama Pengarah Urusan MAS, Datuk Wan Malek Wan Ibrahim. Sabbaruddin berkata, setakat ini tidak ada keputusan menyekat pertandingan dilaksanakan bagi merebut mana-mana jawatan dalam parti termasuk jawatan Presiden.

Mengulas perkembangan lanjut sokongan beberapa Perhubungan Umno negeri yang mahu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengekalkan kerusi Presiden dalam perhimpunan agung akan datang, beliau berkata:

"Setakat ini, kita tahu hanya Dr Mahathir menjadi calon tunggal bagi jawatan Presiden kerana beliau dicalonkan oleh beberapa Badan Perhubungan negeri sebelum ini.

"Kalau sudah semua negeri menyokong Dr Mahathir sebagai Presiden, tidak perlulah kita membuat keputusan sama ada mahu jawatan itu dipertandingkan kerana tidak ada calon lain."

Sabbaruddin berkata, beliau pernah mendengar Dr Mahathir sendiri menyatakan beliau sanggup bertanding dengan calon lain pada perhimpunan agung akan datang jika ada pihak yang mahu menduduki kerusi berkenaan.

Mengenai beberapa ahli Umno, termasuk Ketua Umno cawangan Kampung Raja Uda 2, Azizan Hashim yang didenda RM1,000 seorang selepas mengaku salah berjudi di sebuah hotel di Pandamaran, 17 Ogos lalu, beliau berkata:

"Kita akan mengkaji kes itu bagi menentukan bentuk hukuman atau tindakan disiplin yang boleh dikenakan terhadap mereka."

(END)